

## CARTA ALIR PELAKSANAAN PROJEK



### Hubungi Kami

INSTITUT PENYELIDIKAN PEMBANGUNAN BELIA MALAYSIA (IYRES)  
ARAS 10, MENARA KBS,  
LOT 4G4, PRESINT 4,  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN,  
62570 PUTRAJAYA.

TEL: 03-8871 3035 (Pn. Mastura Mohamad)  
03-8871 3389 (En. Mohd Rizal Mohd Sham)  
03-8871 3331 (Pn. Siti Hawa Jamil)  
FAKS: 03-8871 3342

SILA LAYARI: [www.iyres.gov.my](http://www.iyres.gov.my)



Jom Sertai!

# PROJEK 40 OUTREACH

IYRES COMMUNITY ENUMERATOR (ICE)

*Sebuah Projek Berasaskan Penyelidikan*



## PENGENALAN

Merupakan satu projek berasaskan penyelidikan

Projek ini akan dilaksanakan di peringkat komuniti bagi membangunkan budaya "Inquiry Mind" dalam membudayakan penyelidikan di kalangan belia berasaskan kepada isu dan permasalahan setempat.

Menawarkan "ICE Fund" sebanyak RM3,000.00 sebagai dana untuk para belia menjalankan projek/ intervensi dan penyelidikan di peringkat komuniti setempat (in-situ) bagi menangani isu-isu atau permasalahan yang berlaku di peringkat komuniti.



## MATLAMAT PROJEK

### DISCOVER

Mengenalpasti isu dan permasalahan di peringkat komuniti.

### DREAM

Proses pencarian dan penemuan berkaitan nilai positif dalam kalangan belia oleh enumerator di peringkat komuniti.

### DESIGN

Proses perancangan dalam mewujudkan perubahan kearah yang lebih efektif.

### DESTINY

Outcome serta impak terhadap keberhasilan projek yang dilaksanakan.

**"Para Enumerator berperanan sebagai individu perantara atau duta kecil IYRES dalam menjalankan pelbagai aktiviti serta intervensi kepada komuniti setempat menggunakan kaedah "in-situ approach"**

## OBJEKTIF PROJEK

- Membudayakan penyelidikan dalam kalangan belia;
- Mengiktiraf peranan enumerator dalam konteks integriti dan kualiti penyelidikan;
- Menjalankan aktiviti-aktiviti intervensi yang bersesuaian yang berasaskan dapatan kajian;
- Menyerlahkan potensi belia dan penyelidikan sebagai bidang kerjaya, kesukarelawanan dan inovasi;
- Menyebarluaskan peranan dan fungsi ICE dalam komuniti setempat;
- Memperkasakan pengurusan data berasaskan realiti di peringkat komuniti berorientasikan "in-situ approach".



## KONSEP PROJEK

- 1 Mengenalpasti Isu/Permasalahan Di Peringkat Komuniti**
- 2 Melaksanakan Intervensi Berdasarkan Program/Aktiviti Di Peringkat Komuniti Menggunakan Pendekatan 4D**  
"ICE Fund" Sebanyak RM3,000.00 Akan Diberikan Sebagai Dana Bagi Pelaksanaan Projek
- 3 Penyelidikan**  
Melaksanakan penilaian bagi melihat impak terhadap pelaksanaan projek
- 4 Pengiktirafan**  
Pengiktirafan diberikan berdasarkan impak program yang dilaksanakan



## SYARAT-SYARAT KELAYAKAN PEMOHON

- Permohonan terbuka kepada ahli yang mendaftar sebagai ICE (IYRES Community Enumerator) sahaja. Bagi yang belum mendaftar, pendaftaran boleh dibuat melalui laman web: [www.iyres.gov.my](http://www.iyres.gov.my)
- Warganegara Malaysia;
- Berumur antara 15-40 Tahun;

## PROSEDUR PERMOHONAN

- Mengenal pasti isu dan permasalahan yang berlaku di peringkat komuniti setempat;
- Menubuhkan jawatankuasa yang terdiri daripada 5 hingga 10 orang.
- Mengisi dan menghantar Borang permohonan projek, kertas cadangan projek, dan Borang Senarai Semak yang lengkap kepada pihak IYRES. Dokumen tersebut boleh diperoleh di laman web rasmi IYRES: [www.iyres.gov.my](http://www.iyres.gov.my)
- Hanya sekali permohonan sahaja dibenarkan;
- Permohonan yang tidak lengkap atau di luar bidang keutamaan akan dikembalikan;
- Kertas cadangan projek perlu dikemukakan dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris sahaja;
- Permohonan yang lengkap perlu dikemukakan kepada pihak IYRES sebelum tarikh tamat tawaran/iklan;

## PROJEK YANG LAYAK DIPERTIMBANGKAN

- Projek yang memberikan impak yang besar dan bersifat jangka masa panjang kepada kumpulan sasaran;
- Projek yang memberi manfaat kepada kumpulan sasaran, komuniti dan negara;
- Projek yang tidak bertentangan dengan Perlembagaan Malaysia serta tidak menyentuh isu-isu sensitif yang boleh menimbulkan permasalahan dan menggugat ketenteraman negara seperti isu agama, perkauman dan politik;
- Tempoh pelaksanaan projek adalah selama 3 bulan.